

Veteran mahu kekal punca BN tewas

UM 16 OCT 2003

PULAU PINANG 15 Okt. — Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Tan Sri Mohamed Rahmat berkata, pengalaman pada pilihan raya lepas menunjukkan sikap sesetengah wakil rakyat veteran yang mahu kekal lebih lama menyebabkan parti gagal mempertahankan kerusi termasuk kehilangan negeri.

Beliau memberi contoh kegagalan berterusan BN menawan semula Kelantan sejak 1990, yang antaranya berpunca daripada tindak tanduk pemimpin lama di negeri itu mahu menjadi calon meskipun ada kalangannya sudah ditolak oleh rakyat.

Katanya, begitu juga kehilangan Terengganu kepada Pas pada pilihan raya umum 1999 yang antaranya disebabkan pemimpin veteran yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Terengganu ketika itu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad enggan memberi laluan kepada muka baru.

Yang terbaru, menurutnya, membabitkan kekalahan BN pada pilih-

an raya kecil Dewan Undangan Negeri Anak Bukit, Kedah tahun lepas apabila calon BN, Datuk Zakaria Said sudah tidak diterima pengundi tetapi tetap bertanding.

“Cuba Wan Mokhtar tidak bertanding, mungkin lain ceritanya. Di Kelantan, kita hendakkan perubahan tetapi mereka tetap mahu bertanding manakala di Anak Bukit, kalau letak orang baru, tentu kita menang.

“Oleh itu, kali ini (BN) kena realistik, kalau orang itu (wakil rakyat veteran) mengerti perasaan orang bawah, mereka akan beri laluan kepada muka baru. Sebelum parti rosak, kalau nak undur, undurlah secara terhormat,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau mengulas nasihat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada ahli-ahli veteran dalam BN supaya berundur dan memberi laluan kepada muka-muka baru.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata, mereka perlu memberi peluang kepada muka-muka baru dan juga harus membantu

berkempen bagi menjamin kemenangan calon-calon baru dalam pilihan raya umum akan datang.

Mohamed berkata, Dr. Mahathir sebelum ini pernah membangkitkan nasihat serupa tetapi kali ini ia dilaporkan secara meluas dan besar oleh akhbar.

Dalam aspek ini, katanya, nasihat Dr. Mahathir perlu diambil iktibar walaupun rakyat Malaysia dan pemimpin dunia menolak keputusannya untuk bersara.

Katanya: “Sebenarnya dari segi politik di Malaysia ini, tidak ada orang (pemimpin) yang tidak boleh diganti. Namun bukan semua yang lama itu perlu beri laluan kepada muka baru. Bagi saya mungkin mereka yang telah berkhidmat selama tiga penggal wajar berbuat demikian.”

Menurut Mohamed, beliau percaya Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengambil kira aspek memberi peluang kepada muka-muka baru untuk membawa cabaran BN pada pilihan raya umum nanti.